



ANAK bongsu daripada lima adik beradik ini amat mengagumi kehebatan J.K. Rowling dan Nadia Khan dalam bidang penulisan.



Gemar menulis pelbagai genre

ANAK muda yang dipilih menghiasi ruangan Inspirasi pada kali ini memiliki bakat cukup besar dalam bidang penulisan. Kebolehan menggarap penceritaan dalam medium itu menjadikannya antara penulis yang wajar diberi perhatian untuk diketengahkan dalam aliran *mainstream*.

Muhammad Aneff Bahrom, 25, penuntut Universiti Putra Malaysia dalam jurusan Komunikasi Kewartawanan kini sudah boleh tersenyum lebar setelah novel pertama hasil tulisannya berjudul *Sembelih* baharu dilancarkan dan sudah mula dipasarkan.

Aneff yang ditemui penulis di Utusan Malaysia pada 2 Februari lalu berkongsi cerita lebih mendalam tentang novelnya dan pengalaman sepanjang bergelar seorang penulis amat.

"*Sembelih* berkisar tentang sebuah keluarga yang terlibat dalam aktiviti penjualan organ manusia. Menerusi novel ini, saya selitkan nilai kekeluargaan, konflik dan kasih sayang.

"Penghasilan *Sembelih* adalah berdasarkan pembacaan kisah benar termasuk cerita tentang seorang warga tua di China yang menjalankan aktiviti mengutip mayat untuk menyara hidup.

"Kisah itu memberi ilham kepada saya untuk menulis tentang individu yang mengeksploitasi individu untuk diri sendiri," katanya.

Aneff berkata, minat terhadap bidang penulisan mula timbul ketika dia menuntut di tingkatan lima. Katanya, pada ketika itu, dia

giat menulis dalam blog yang masih diusahakan sehingga hari ini.

"Menerusi blog, saya banyak menulis cerpen. Kemudian pada 2009, saya mula menghantar karya-karya dihasilkan termasuk kepada Utusan Malaysia.

"Kemudian, saya bergiat lebih aktif dan mengambil langkah berani dengan menyertai pencarian penulis muda dianjurkan Buku Hitam Press dan akhirnya diberi peluang menulis tiga cerpen yang dimuatkan dalam tiga antologi berbeza terbitan syarikat tersebut," katanya lagi.

Disoal tentang haluan dalam bidang berkaitan, Aneff mengakui tidak memilih kerana gemar menulis pelbagai genre. Namun apa yang pasti, anak muda kelahiran Ayer Keroh, Melaka ini gemar meluahkan kritikan dan ideologi dalam setiap karya penulisan.

"Saya suka elemen sindiran dalam setiap karya yang saya hasilkan. Ia merangkumi bidang politik, sosial, ekonomi dan sebagainya. Pada masa yang sama, saya juga gemar menulis kisah romantis dan percintaan," tambahnya.

Jelas Aneff, menulis baginya adalah satu kepuasan yang menenangkan. Katanya, menulis adalah medium terapi dan melihat potensi diri.

"Apabila saya melihat hasil tulisan sendiri dijual di kedai buku, saya berasa puas dan gembira. Ini kerana saya capai sesuatu menerusi perkara yang saya sukai," jelasnya. -AL

FAIZAL/NOR AZLINA JAAFAR